

## MELIHAT POTENSI KAJIAN SEJARAH DALAM CATATAN WAN YAHYA BIN WAN MOHD TAIB MENGENAI MISI KERJA HAJI TAHUN 1914

*(THE POTENTIALS OF HISTORY STUDIES IN WAN YAHYA BIN WAN MOHD TAIB  
NOTE ABOUT THE 1914 MUSLIM PILGRIMAGE OF HAJJ MISSION)*

Mohd Kasri bin Saidon <sup>1</sup>  
Ishak Saat <sup>2</sup>

<sup>1</sup> Universiti Utara Malaysia (UUM). **Email:** kasri@uum.edu.my

**Accepted date:** 30 Oktober 2017

**Published date:** 10 June 2018

**To cite this document:** Saidon, M. K., & Saat, I. (2018). Melihat Potensi Kajian Sejarah Dalam Catatan Wan Yahya Bin Wan Mohd Taib Mengenai Misi Kerja Haji Tahun 1914. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. 3 (11), 1-11.

---

**Abstrak:** *Kertas kerja ini memberikan fokus tentang catatan peribadi seorang pembesar negeri Kedah bernama Dato' Hj Wan Yahya bin Wan Mohd Taib tentang perjalanan beliau ke tanah suci. Catatan ini adalah yang pertama di Kedah ditulis tentang proses dan kembaraan mengerjakan haji. Tulisan beliau bersifat naratif namun terdapat beberapa aspek yang disentuh secara analitikal. Catatan beliau dilihat lebih sempurna dan menyeluruh dari tulisan Abdullah Munshi. Jika disandarkan kepada huraian perjalanan yang agak terperinci dalam penulisan catatan perjalanan kerja haji hanya dua penulisan ini sahaja dilihat agak lengkap. Wan Yahya mengupas secara lebih berfokus tentang proses awal mengerjakan haji dan kemudiannya memberikan pengkisahan serta komen beliau dalam urusan seterusnya dari pelayaran sehingga ke tanah suci. Catatan yang beliau tulis ini merupakan satu potensi yang baik bagi pengkajian lebih lanjut untuk ahli sejarah, bukan hanya di Malaysia malah catatan ini juga bernilai bagi pihak Arab Saudi. Banyak perkara yang disentuh beliau kini sudah menjadi sejarah dan berpandukan apa yang tercatat bakal menjadi modal penjana kajian yang lebih meluas.*

**Kata Kunci:** *Kedah, tanah suci, naratif, haji, Arab Saudi*

**Abstract:** *This paper focuses on the personal record of a Kedah state chief named Dato 'Hj Wan Yahya bin Wan Mohd Taib on his journey to the holy land. This entry was the first in Kedah that wrote about the pilgrimage process and its whole experience. His writings are narrative but there are some aspects that touch on an analytical basis. His note is more complete and comprehensive than Abdullah Munshi's writings and is a rather detailed description of the journey of the pilgrimage to Mecca. Both of these writings are quite complete and comparable. Wan Yahya focuses more on the initial process of pilgrimage and later give his commentary on the journey to the holy land. The note that he*

*wrote brings potential for further research for historians, not just in Malaysia but this note is also worthy to Saudi Arabia. Many of the things that he touched have now become history and what is noted will be a more extensive research generation capital.*

**Keywords:** *Kedah, holy land, narrative, pilgrimage, Saudi Arabia*

---

## **Pendahuluan**

Menunaikan ibadah haji merupakan salah satu rukun Islam yang dituntut keatas semua umatnya. Perjalanan kerja ini pada masa sekarang bukanlah sesuatu yang merumitkan seperti mana puluhan tahun yang silam. Kisah mengerjakan haji merupakan satu bentuk pengalaman yang begitu eksklusif dan menarik untuk dikongsi bersama bagi yang pernah atau belum mengerjakannya. Puluhan tahun atau lebih utama melebihi seabad yang lalu ia dilihat sebagai satu proses yang rumit, meleihkan dan memakan masa yang begitu lama. Seorang pembesar Kedah bernama Dato' Hj Wan Yahya telah mencatat segala bentuk pengalamannya dalam mengerjakan urusan haji. Menariknya kerana tidak banyak tulisan bercorak kembara ditulis di Tanah Melayu ketika itu apatah lagi untuk dibukukan.<sup>i</sup> Antara yang awal ialah Munshi Abdullah menulis pelayarannya untuk mengerjakan haji namun dilihat kupasannya tidak begitu meluas dan terperinci.<sup>ii</sup> Wan Yahya dilahirkan dalam tahun 1870 di Alor Setar cucu kepada seorang pahlawan Kedah bernama Wan Musa yang terkorban dalam serangan Siam tahun 1838.<sup>iii</sup> Wan Yahya mendapat pendidikan di Seberang Perai dan kembali ke Kedah selepas tamat belajar.<sup>iv</sup> Beliau melakukan pelbagai pekerjaan kelas menengah dan elit sehingga jawatan akhirnya sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri (1922-1929). Pengalaman kerja dan asas pendidikan beliau memungkinkan beliau menulis satu catatan perjalanan yang dilihat lebih terperinci dan lebih luas kupasannya. Berkaitan buku perjalanan kerja haji ini pula, ia adalah pemberian Dato' (Dr) Wan Shamsudin Mohd Yusof selaku Yang Dipertua Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK) kepada penulis sekitar tahun 2012. Buku ini telah agak usang dalam tulisan jawi dengan tajuk *Tarikh Al Siyahah ila Makkatul Mukkaramah* tidak dapat dikesan tahun dan tempat terbitannya. Namun catatan Wan Yahya dapat dilihat sebagai modal penjaanaan yang bernilai untuk kajian sejarah kerja haji di Kedah malah dapat dijadikan sandaran kepada sejarah negeri Kedah dan Tanah Melayu amnya.

## ***Matlamat kertas kerja dan permasalahan***

Kertas kerja ini memberi tumpuan kepada beberapa catatn yang mempunyai nilai sejarah dan ia dilihat sesuatu yang bakal memperkayakan khazanah sejarah negara khususnya bagi negeri Kedah. Kebanyakan isi kandungan tulisan ini tidak terdapat dalam kupasan ahli sejarah yang lain. Lebih utama apabila beliau selaku pentadbir telah mengupas tentang aturan kerja dan segala proses berserta pengamatan beliau tentang proses perjalanan dan pekerjaan haji. Catatan tentang urusan kerja haji walau pun agak sedikit namun kupasan perjalanan dari pelabuhan Jeddah ke kota Mekah selepas Perang Dunia Pertama adalah sesuatu catatan bagi pengembara Melayu yang dilihat begitu bernilai.

Dalam mengkaji atau mendapatkan maklumat serta gambaran lampau tentang sejarah kerja haji adalah sesuatu yang agak sukar. Kebanyakan cerita kerja haji tersimpan dalam bentuk ingatan atau diturunkan secara lisan dari jenerasi ke jenerasi. Tidak banyak catatan yang dijadikan dokumentasi dan ada aspek dalam sejarah kerja haji ini yang melibatkan peristiwa semasa diwaktu itu yang menjadi sebahagian dari koleksi sejarah. Penulisan Wan Yahya ini dilihat

dapat menampong atau menjawab beberapa persoalan tentang kerja haji utamanya di negeri Kedah.

### ***Corak Penganalisaan***

Segala isi kandungan dalam karya Wan Yahya ini disemak-silang dengan beberapa catatan yang ditulis oleh penulis lain yang lebih terdahulu atau kemudian darinya. Ini termasuk juga beberapa penyebutan peristiwa yang ada di Tanah Melayu khususnya Kedah atau diluar dari negeri tersebut. Semak-silang ini memperlihatkan perbezaan atau informasi sokongan sebagai penjana kerangka kerja kajian lanjut yang lebih besar. Ada sebahagiannya dirujuk kembali pada catatan yang ada dalam rekod kerajaan negeri, tidak dinafikan juga ia diperkukuhkan pula dengan pandangan serta pendapat individu yang sesuai sebagai sandaran memperkuat sumber.

### ***Sinopsis Buku - Catatan Perjalanan Ke Mekah***

Buku ini lebih bersifat catatan pengalaman Wan Yahya ke tanah suci bersama keluarganya. Huraian cerita bermula dari awal perjalanan dengan urusan cuti dan hal ehwal pekerjaan sebagai sebahagian dari persediaan awal. Penulis catatan ini kemudiannya bergerak dari Alor Setar ke Pulau Pinang sebagai pergerakan pertama. Selesai urusan kuarantin mereka mula menumpang kapal penumpang ke Mesir. Wan Yahya mengambil kesempatan bercuti di beberapa negara termasuk Mesir dan Syria, kemudiannya masuk ke tanah suci Madinah dan Mekah untuk urusan haji. Penulis mencatatkan perjalanan kembaraannya dan juga mengulas beberapa aspek yang bersangkutan. Dalam pelayaran balik diceritakan sedikit bersama sedikit pesanan tentang kesyukuran ibadah haji sebagai penutup karangan beliau.

### ***Catatan untuk Penjanaan***

#### ***Perkhidmatan kapal Darulaman dan situasi Kedah 1913***

Dicatatkan beliau tentang perkhidmatan kapal milik kerajaan negeri yang bernama *Darulaman*. Kapal ini adalah sebuah kapal berenjin yang berbentuk dua tingkat digunakan oleh pihak pentadbir negeri dalam urusan pengangkutan khususnya ke Pulau Pinang, Singapura dan Phuket di Thailand. Kapal ini juga digunakan untuk urusan kerja ke pulau-pulau milik Kedah utamanya ke Langkawi.<sup>v</sup> Urusan kerajaan atau lawatan peribadi Tuanku Sultan semenjak dari Sultan Abdul Hamid<sup>vi</sup> sehingga Sultan Badlishah juga kerap kali menggunakan kapal yang sama. Terdapat kemudahan rumah milik kerajaan negeri di jalan Kelawai, Pulau Pinang juga diberikan kepada pegawai-pegawai kanan kerajaan. Begitu juga dengan aturan kerja tentang cuti serta dan pendahuluan gaji. Aturan cuti dan pembayaran gaji kerja haji ini telah pun lama dilupuskan sejajar dengan perubahan corak tadbir dan kemajuan teknologi semasa.<sup>vii</sup> Persoalannya adakah masih disimpan naskah aturan sebegini sebagai aset sejarah bagi jenerasi kini?<sup>viii</sup>

Sebagaimana Wan Yahya menulis;

***“Maka pada 15 Rabiulakhir 1332 saya telah mendapat sepucuk surat dari State Council membenarkan saya cuti selama delapan bulan dengan gaji penuh dan dapat terima dahulu enam bulan gaji dan pinjaman rial kerajaan sebanyak lima ratus rial...dan saya telah pinjam kapal kerajaan iaitu Darulaman mari hantar saya ke Pulau Pinang dan dapat pinjaman rumah kerajaan di Kelawai selama dua belas hari.” ix***

Ada catatan juga menceritakan tentang proses kurantin yang perlu dilakukan oleh penduduk Tanah Melayu khususnya Kedah dalam urusan belayar dengan kapal penumpang ke luar negara. Dalam tempat kurantin masa pemergian tidak dinyatakan dalam teks namun beliau ada menyebut tentang pemeriksaan kesihatan yang dilalui selama lima hari berturut-turut di *Municipal Office* berhampiran Padang Kota.<sup>x</sup> Perihal penyakit dan urusan kuarantin ini disebut pula tentang Pulau Jerejak dibahagian kembalinya dari Mekah. Sejarah urusan kesihatan ini adalah sesuatu yang menarik tambah lagi dengan penyediaan hospital dan perubatan moden ala barat masih diperingkat pengenalan di Kedah. Ia dapat dijadikan gandingan yang baik bagi ilmuan sejarah untuk berkongsi maklumat dengan ilmuan perubatan dalam menghasilkan satu kajian atau pendekomentasian tentang aspek ini. Disebut Wan Yanya;

***“...bersetentang masa itu ada kurantin antara Alor Setar dengan Pulau Pinang sebab ada penyakit Kolera iaitu muntah-cirit di Alor Setar dan lain jajahan negeri Kedah...datanglah doktor periksa dan beri hukum boleh naik di darat dan beri satu surat kenyataan yang diperiksa...”***<sup>xi</sup>

### ***Pelayaran Kapal Penumpang – Novia***

Wan Yahya menulis tentang agen perkapalan penumpang yang bernama Piano Company. Syarikat tiket kapal ini beroperasi di Tanah Melayu dalam urusan pelayaran timur dan barat. Urusan ke Mekah, Wan Yahya telah menumpang kapal *Novia* dengan tujuan utama ke Port Said. Dilihat kedudukan kewangannya dan kelas menengah Melayu yang diwakilinya memampukan beliau duduk di *First Class Salon*. Tambang semasa itu untuk perjalanan sehala ialah \$343.00 dan jika dibeli secara pergi-balik potongan 20 peratus diberikan. Satu maklumat pendek diberikan tentang kapal tersebut;

***“Ada pun kapal Novia itu ampunyai oleh satu kompeni yang besar di London yang bernama Finance and Oriental Steam Naval Cashion Company, yang dipakai marka P. & O.S.N.Co. maka besarnya 6,000 ton dan kekuatannya 5,000 kuda akan kapal itu. Dimulai pakai pada 15 Mei 1898 jadi sudah 19 tahun akan kapal Novia itu kurang lajunya perjalanannya lebih kurang 11 knot.”***<sup>xii</sup>

Penulis juga memberikan pesanan tentang perkhidmatan kapal penumpang kelas sebegitu bagi yang mahu menggunakannya supaya membuat tempahan lebih awal. Di tulis beliau;

***“Peringatan: Jika hendak belayar di dalam mana-mana kapal Piano Company atau lain-lain mesti terlebih dahulu empat bulan maulah dikira dengan agennya fasal kabin-kabin itu bolehlah dipilih mana-mana kabin yang kita berkehendak.”***

Potensi pengkajian sejarah lanjut dapat dijanakan bermula dengan perihal kapal *Darulaman*. Pengkaji sendiri telah berusaha mencari kembali informasi tentang kapal ini namun tidak mendapat hasil yang positif. Sejarah kapal ini juga secara terperinci tidak pernah dikaji, dapatan dalam Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid (SMSAH), rekod Setiausaha Kerajaan Kedah (SUK), rekod Jabatan Laut mungkin dapat diterokai. Sejarawan Kedah hingga kini masih belum mendapat sebarang maklumat yang terperinci tentang kapal ini. Menariknya buku log pelayaran yang sepatutnya diada juga tidak dapat dikesan. Menjejaki semua rekod ini adalah sesuatu yang amat bernilai, banyak urusan berpemergian kerabat diraja, pembesar dan urusan rasmi kerajaan Kedah menggunakan kapal ini.

Antara yang awal dapat dibaca ialah kisah pelayaran Tunku Abdul Rahman ke England. Tunku Abdul Rahman menulis beberapa catatan tentang pemergiannya kali pertama menyambung pelajaran ke kota London dalam tahun 1912 dengan kapal.<sup>xiii</sup> Namun kupasannya Almarhum juga tidak menyeluruh dan bertumpu kepada sejarah kapal, sejarawan Kedah tertanya-tanya tentang catatan pelayaran Sultan Abdul Hamid ke India dan Burma juga ke London. Lebih mengujakan tentang pemergian baginda ke tanah suci yang belum dijumpai rekod rasminya.<sup>xiv</sup>

### *Melayu Sri Lanka (Ceylon)*

Sesuai susulan kajian lebih terperinci dapat dibuat tentang kedudukan orang Melayu di arah utara dari Phuket jika didasarkan catatan kembara Wan Yahya ini. Pengkaji sendiri terlibat dalam tinjauan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK) tentang suku kaum Melayu Laut yang disebut sebagai Orang Lawit di pulau Thailand di laut Andaman. Tinjauan yang juga berupa kajian awal ini melihat tentang kependudukan orang Melayu yang berasal dari Kedah.<sup>xv</sup>

Merujuk kepada sejarah negeri Kedah, geo-politik ternyata berubah-ubah mengikut pegangan kuasa dari masa ke semasa. Pernah di era silam kawasan ke bawah Segenting Kra pernah dikuasai oleh Kedah dan tentunya bahasa Melayu dialek Kedah menjadi dominan di situ. Pelbagai nama tempat yang sekarang dalam bahasa Siam (Thai) dikatakan asalnya dari sebutan Melayu. Contoh popular ialah Trang dari perkataan ‘Terang’, Kok Lipi dari ‘Pulau Lipih’, Krabi dari ‘Gerbi’ malah lebih terkemudian ialah Songkla dari nama Melayu, ‘Singgora’. Tinjauan PSMCK menemukan keunikan Melayu di Pulau Singhai di sempadan Thai-Burma yang berketurunan Melayu Kedah.<sup>xvi</sup>

Berbalik kepada catatan Wan Yahya, persinggahannya yang pertama ialah di pelabuhan Colombo, Ceylon. Menarik disitu bila disebutkan tentang hotel *Golipis* yang menjadi tempat beliau bermalam. Dihuraikan tentang kakitangan hotel berketurunan Melayu Ceylon, malah memberikan perangkaan jumlah dan nasab asal. Dinyatakan;

***“...kebanyakan boy-boy di dalam hotel itu daripada bangsa Sinhala dan Melayu maka senang sekali boleh kenal Melayu-Melayu di dalam Ceylon itu sekalian ada pakai sapu tangan kepala seperti Melayu-Melayu di dalam Tanah Melayu juga. Maka banyak orang-orang Melayu di dalam Ceylon itu lebih kurang 60,000 orang pakai bahasa Melayu. Maka asal orang-orang Melayu Ceylon itu daripada tanah Jawa”<sup>xvii</sup>***

Catatan beliau bersama perangkaan yang jelas tentang jumlah Melayu yang ada di Ceylon ketika pelayarannya. Bukanlah sesuatu yang baharu untuk berbincang tentang Melayu di Ceylon. Telah ramai penulis, pengkaji dan karyawan yang melakukan tinjauan dan penyelidikan tentang Melayu di sana. Akan tetapi sesuatu yang menarik untuk dijadikan asas penjaan yang lebih luas ialah tentang sejarah kependudukan Melayu di negara tersebut. Jika Jawa disebut sebagai sandaran, apakah mereka di bawa Belanda atau Inggeris?. Apakah mereka sendiri yang mengungsi ke tanah Ceylon tersebut?

Ada sebuah masjid yang disebut masjid “Orang Rejimen” yang dikatakan asalnya ialah sebuah masjid bagi kegunaan askar di bawah tadbir kompeni Inggeris yang berketurunan Melayu. Hal ini pernah disebut oleh ahli politik yang juga penulis, Tan Sri Samad Idris dalam buku beliau.<sup>xviii</sup> Persoalannya adakah sepenuhnya orang Jawa berketurunan atau ada kedatangan orang Tanah Melayu juga di situ.<sup>xix</sup> Malah Ceylon sendiri juga tidak asing dalam sejarah Tanah Melayu semasa Perang Dunia Kedua. Latihan dan gerakan Force 136 pada asalnya juga menjadikan Kandy di Ceylon sebagai medan latihan untuk gerakan penyusupan pasukan anti-

Jepun ke Tanah Melayu.<sup>xx</sup> Namun asas carian Melayu dari Tanah Melayu ini dapat diusahakan, yang menjadi objektifnya ialah sejarah kedatangan mereka dan bagaimana *survival* mereka di Ceylon.

### ***Suasana dan Pengamatan di Madinah***

Dalam catatan Wan Yahya digalurkan proses kerja hajinya bermula dari singgahannya di Mesir, melawat dan kemudiannya ke Syam (Syria). Beliau dan keluarga masuk ke tanah Arab Saudi dengan berkereta api dari Syria ke Madinah. Disebut tentang stesen kereta api di tempat yang bernama Zar'a dengan lapan jam perjalanan ke Madinah. Catatan ini sahaja sudah menjadi sejarah yang tersendiri disebabkan perkhidmatan kereta api ini sudah tidak lagi wujud di Madinah. Catatan Wan Yahya dirasakan satu-satunya catatan anak tempatan Tanah Melayu yang mengisahkan perjalanan haji dari arah Syria. Berlebih lagi bagi Wan Yahya kerana beliau mencatatkan kembali segala pengamatan beliau tentang perjalanan kereta api ini. Pentadbiran Turki di Madinah dan corak jagaan keselamatan dicatatkan beliau dengan;

***“Adalah di Madinah itu kerajaan Turki ada jaga dengan secukupnya sepanjang-panjang jalan kereta api itu tiap-tiap lima atau sepuluh mile diperbuat suatu stesyen dijaga oleh banyak-banyak askar tambahan pula kepada tempat-tempat yang berdekatan dengan kampung-kampung badwi itu di tambah lagi askar di situ. Maka pada bukit-bukit yang berhampiran dengan Madinah di antara askar jaga atas bukit-bukit itu. Maka di atas kereta api pun perjalanan waktu malam diberi enam orang askar jagakan dan lagi pada tiap-tiap tempat ziarah di Madinah itu di antara askar menjaga di situ.”<sup>xxi</sup>***

### ***Urusan Kerja Haji***

Kajian lanjut tentang perihal kerja haji ini dapat dilanjutkan lagi dari aspek ketua urusan haji yang umumnya di sebut sebagai “Syeikh Haji”. Peranan mereka amatlah luas dan begitu berpengaruh dalam urusan kerja haji ini. Wakil urusan haji ini akan ada di bandar-bandar pelabuhan kapal bergerak di Tanah Melayu. Di Pulau Pinang misalnya terdapat beberapa Syeikh Haji yang terkenal. Mereka ini pula mempunyai sistem rangkaian dalam urusan kerja mereka. Wakil mereka berada hampir setiap negeri, utamanya pula dalam daerah-daerah yang besar. Konsep mereka ialah seumpama *tour agency* yang ada dalam dunia moden kini.<sup>xxii</sup> Menariknya, setiap Syeikh mempunyai tarikan dan pengaruhnya yang tersendiri. Urusan Syeikh ini kemudiannya dilihat mati apabila urusan kerja haji di Tanah Melayu, Malaysia kemudiannya menubuhkan Lembaga Urusan Tabung Haji. Mereka masih berfungsi diperingkat awal ketika urusan haji menggunakan kapal laut namun semakin terhakis dengan pelapis peringkat moden bercorak agensi haji yang lebih sistematik.<sup>xxiii</sup>

Mengimbas kembali disebut Wan Yahya dalam catatannya, dilihat berkemungkinan beliau agak terpisah dari kelompok umum Jemaah haji dari Tanah Melayu yang berkapal ke Jeddah dan mengenderai unta masuk ke Madinah. Apakah mungkin kedatangannya ke Madinah itu agak terawal dari bulan belayar kapal yang sepatutnya? Wan Yahya menyebut;

***“Maka pada waktu pukul 3 petang pada 17 Rejab sudahlah sampai di Madinahatulmunawarah pergi berhenti di rumah Syeikh Hussien wakil Syeikh Zabidi akan rumah itu dekat dengan masjid Madinah itu di pintu Babul Jibril.”<sup>xxiv</sup>***

Aspek ini sahaja sudah menjadi taruhan yang baik bagi kajian susulan. Kewujudan Syeikh, petempatan jemaah dan corak urus tadbir juga sangat bernilai sebagai elemen kajian. Jika kajian lanjut ini digandingkan dengan sejarawan dari Arab Saudi ia akan dilihat lebih ampuh.

Asasnya kerana dalam catatan Wan Yahya ada memberikan maklumat yang jelas tentang keadaan pentadbiran tanah Arab ini semasa dalam pegangan Turki. Madinah ditulis tentang kemudahan asasnya seperti air dengan;

***“Pergi ke Madinatulmunawarah itu maka di situ ada telaga maka air daripada telaga itulah yang dibawa mari pakai di dalam bandar Madinah itu. Maka boleh dilihat air telaga itu menyembur-nyembur keluar dengan deras daripada sebelah tepi telaga itu mengalir masuk ke dalam telaga itu.”<sup>xxv</sup>***

Persoalannya, dimanakah asas telaga itu sekarang? Apakah ada pengetahuan ini dari kalangan ilmuan sejarah di Madinah sendiri? Wan Yahya menulis lagi tentang peranan petugas masjid yang berkulit hitam bertugas di masjid Nabawi di Madinah. Menariknya di sebut dengan nama “Saputuq” untuk menggambarkan pegawai berkulit hitam ini. Ada elemen sejarah dapat dikongsikan oleh ilmuan sejarah tanah Arab dengan penulisan Wan Yahya ini. Apakah perkataan Saputuq ini suatu terma yang khusus kepada pegawai keselamatan masjid ketika itu atau ia adalah sebutan yang disalah tulis oleh Wan Yahya sendiri? Seperti catatan beliau:

***“Maka orang-orang hitam iaitu Saputuq itu hambat terbit sekelian orang-orang di dalamnya dan kunci pintu-pintu masjid.”<sup>xxvi</sup>***

Perjalanan dari Madinah ke Mekah adalah sesuatu yang menarik untuk dibaca oleh sesiapa juga yang meminati sejarah. Berlebih lagi pada sejarawan yang mengkaji tentang sejarah mengerjakan haji sama ada dari nusantara Melayu atau tanah Arab sendiri. Ia juga dilihat sesuatu yang universal, ia dapat dikongsi oleh semua umat Islam seluruh dunia sebagai sejarah bersama. Wan Yahya menggambarkan betapa perjalanan dari Madinah ke Mekah itu mengambil masa 11 hari malam dan siang. Dinyatakan:

***“Maka perjalanan antara Madinah dan Mekah itulah yang sahaya rasa terlalu susah boleh dekat 11 malam dalam perjalanan itu tiada tidur. Maka akan kenaikan unta itu terlebih susah daripada kenaikan gajah kerana syakdup itu timbanganya semata-mata kepada orang yang di atas sahaja.”<sup>xxvii</sup>***

Tidak ada kemudahan tempat berhenti dengan konsep Rehat dan Rawat (R n R) yang biasa kita temui dunia moden kini juga merupakan kepayahan yang dinyatakan. Begitu juga dengan aspek keselamatan yang dikaitkan bersama. Sejarah akan menarik jika dikaji kembali tentang laluan yang digunakan ketika itu. Kajian dapat mengenalpasti sejarah dan perkembangan jalan perhubungan Madinah-Mekah ini ke era yang lebih klasik. Pembangunan era moden kini menyaksikan kemudahan RnR semakin maju dan terlalu jauh bezanya dari sebelum Perang Dunia Kedua. Sejarah tempatan tanah Arab khususnya bagi Arab Saudi dapat dijanakan lebih luas dengan mengenali kembali laluan dan hentian dari zaman berzaman. Wan Yahya menceritakan dahulunya;

***“Maka pada tiap-tiap tempat berhenti itu ada dijual kayu api dan air dan bermacam-macam buah-buahan yang ada di situ. Adalah sahaya dengar cerita-cerita daripada orang-orang haji yang sudah biasa pergi di Mekah itu adalah jalanan antara Madinah dengan Mekah dan antara Jeddah dengan Mekah itu tiada aman sekali-kali banyak penyamun dan pencuri. Maka di dalam masa perjalanan sahaya yang tersebut di atas tiadalah sekali-kali perkara yang tersebut itu ada dengan aman sekali.”<sup>xxviii</sup>***

Paling jelas dalam soal pernyataan tempat ialah penceritaan beliau tentang satu kawasan yang mempunyai kemudahan air yang lebih baik yang berkemungkinan menjadi tempat hentian yang utama. Wan Yahya menggambarkan;

***“Kebanyakan airnya payau tambahan pula air-air di ribing itu terlampau payau kerana berdekatan dengan laut maka di situ boleh dapat ikan-ikan hidup maka pada suatu tempat sahaja yang airnya mengalir keluar daripada dalam tanah tempat itu Wadi Fatimah sejauh enam jam perjalanan unta dari Mekah. Maka kebanyakan bukit-bukit itu tiada tinggi tiada lebih daripada 500 kaki. “<sup>xxix</sup>***

Bersangkutan lebih utama dengan sejarah Kedah ialah pernyataan Wan Yahya tentang tempat bernama Makatulsharfah dan secara jelas tentang adanya rumah wakaf milik Sultan Kedah. Seperti yang ditulis;

***“Maka pada 8 Syaaban 1332 pada waktu jam pukul empat petang sudahlah sampai di Makatulsharfah pergi berhenti di rumah wakaf Sultan Kedah di Kampong Jayer. Jadi sahaya masuk di dalam jemamah Syeikh Zabidi. “<sup>xxx</sup>***

Fakta ini cukup luas untuk dijadikan kajian lanjut, tentang Makatulsharfah yang dapat dilihat kembali kewujudan dan perkembangannya kini. Cuma yang agak menjadi persoalan ialah nama Jayer, apakah ada kesilapan ejaan atau penyebutan oleh Wan Yahya? Perkampungan Melayu yang tua dapat dikesan kini ialah di ‘Jabal Ajjad’ yang terletak satu kilometer dari Masjidilharam.<sup>xxxi</sup>

Tentang Syeikh Zabidi dari segi nasab keturunan dan sejauhmana penglibatan serta peranannya sebagai Syeikh Haji juga merupakan kajian yang menarik. Paling dekat dengan ilmuan sejarah Kedah ialah tentang wujudnya rumah wakaf milik Sultan Kedah di Mekah. Persoalan rumah wakaf ini pernah dibincangkan oleh PSMCK dalam tahun 2012 apabila menyentuh tentang sejarah kerja haji yang melibatkan Sultan Abdul Hamid. Tiada rekod yang khusus mencatatkan pemergian Sultan Kedah ke Mekah sebelum Perang Dunia Kedua. Namun tentang adanya harta berupa wakaf rumah di kota suci itu masih lagi dikaji. Tulisan Wan Yahya ini dilihat dapat membuka ruang yang lebih besar bagi kajian lanjut khususnya dalam rekod imigresen pihak British di Tanah Melayu, pihak Arab Saudi malah kajian lapangan lebih empirikal dapat dibuat di Mekah utamanya kampong Jayer sendiri.

Tentunya isi catatan pengalamannya dapat diterokai kembali siapa yang menguruskan kerja pengangkutan mengenderai unta untuk jemaah haji ini. Sejarah ini ada istimewanya yang tersendiri kerana ia bakal menceritakan tentang segala aspek dalam urusan pergerakan jemaah di waktu itu. Ini termasuk juga aspek pendisiplinan yang diberikan komen secara jelas tentang sikap para pekerja pengangkutan dari keturunan Badwi yang dilihat berlainan dari resam pekerja di Tanah Melayu. Catatan ini dapat dijana sebagai pandangan atau pemerhatian orang luar tanah Arab terhadap entik Arab yang ada ketika itu dalam aspek urusan haji. Komennya;

***“Sepekara lagi Badwi-Badwi gembala unta ini berlainan sekali dengan kuli-kuli upahan di dalam Tanah Melayu. Maka akan kuli-kuli di Tanah Melayu itu ia ikut apa-apa yang disuruh oleh orang yang mengupah. Maka akan Badwi-Badwi itu ia perbuat ikut nafsunya sendiri yang ia tahu pinta hadiah yang berlebih-lebihan sahaja akan pekerjaan yang ia perbuat itu tiada bersetuju sekali-kali dengan kehendak orang yang mengupah semata-mata diikut kehendak sahaja.”<sup>xxxii</sup>***

***Taif***

Peluang berada di Mekah digunakan oleh Wan Yahya untuk berkunjung ke Taif, satu kawasan tanah tinggi yang sejuk hawanya. Beliau menyebut tentang perjalanannya mengikut jalan ‘Sil’ yang mengambil masa tiga malam perjalanan.<sup>xxxiii</sup> Beliau dan keluarga menyewa rumah tumpangan Judad Afendi dengan bayaran lapan pound.<sup>xxxiv</sup> Ada aspek menarik dari sudut



sejarah tentang laluan unta dari Bukit Khira ke Taif, binaan dan saluran air dari Bukit Khira ke kota Mekah, catatan tentang Siti Zubaidah permaisuri kepada Sultan Harun Al Rashid dari Baghdad<sup>xxxv</sup> dan gigitan sejenis nyamuk di Taif. Hal ini mungkin asasnya agak remeh namun ia bakal menjadi kajian yang besar jika semua sumber dapat diterokai. Catatan menariknya disebut:

***“Maka air daripada Bukit Khira itulah yang diperbuat saluran bawa mari pakai di dalam Mekah Al Musharrafah itu ada pun saluran air itu dibuat oleh Siti Zubaidah permaisuri kepada Sultan Harun Al Rashid negeri Baghdad di dalam masa hijrah lebih kurang 300 atau kurun yang ke 30. Maka jalan ikut Bukit Khira itu terlebih dekat antara Taif dengan Mekah Al Musharrafah tetapi unta tiada boleh lalu di sana sebab naik Bukit Khira itu. Maka kuda, benggala dan himar senang boleh pergi mari ikut jalan itu. Maka di Taif itu ada satu macam nyamuk yang jahat sekali dipanggil nyamuk putih besarnya sepertimana agas di Tanah Melayu. Mulutnya terlalu bisa bekas yang diketip itu terlalu gatal dan bengkak menjadi sepertimana kudi-kudil jika tiada dijagakan nanti melarat menjadi kudil serata-rata badan.”***<sup>xxxvi</sup>

### ***Perjalanan Pulang dan Perkhidmatan Kapal***

Menjadi sesuatu yang agak kekurangan apabila Wan Yahya tidak mengupas banyak tentang kerja haji namun disebut juga tentang ibadah di beberapa tempat seperti di Arafah, Mina dan Mudzaliifah. Ternyata ketika itu unta menjadi taruhan utama sebagai pengangkutan. Perjalanan pulangnya melalui pelabuhan Jeddah juga agak ringkas dikupas. Paling utama tentang perkhidmatan kapal *Lewis* dari syarikat Mansfield. Disebutkan ketika pulangnya perkhidmatan kapal antara Jeddah dan Suez sudah terhenti seketika lantaran berlaku suasana tidak aman antara kerajaan Inggeris dan Turki. Ditulis beliau;

***“Ketika sahaya sampai di Jeddah ambil ketahu kapal-kapal yang duduk jalan antara Jeddah dengan Suez itu sudah berhenti langsung ketika jadi peperangan antara kerajaan Turki dengan kerajaan Inggeris...”***<sup>xxxvii</sup>

Cerita perkapalan ini jika dikongsikan dengan sejarawan tanah Arab akan menjadi huraian yang lebih terperinci. Penjanaan sejarah bakal melibatkan syarikat kapal, jadual, tempat persinggahan, peristiwa malah cerita tentang terusan Suez sendiri dapat dijanakan lebih global.<sup>xxxviii</sup> Kembalinya beliau di Pulau Pinang sekali lagi proses kurantin dijalaninya di Pulau Jerejak selama empat hari. Sejarah Pulau Jerejak sebagai tempat kurantin ini juga dapat dihuraikan dengan lebih luas. Ia juga melibatkan pesakit kusta untuk seketika dan pernah menjadi tempat tahanan di zaman darurat. Tidak banyak yang diketahui tentang sejarah Pulau Jerejak selama ini dan ia mempunyai pelbagai kisah yang dapat dikaji sebagai perwarisan sejarah tempatan yang bukan hanya untuk negeri Pulau Pinang malah seluruh Malaysia secara umumnya.<sup>xxxix</sup>

### ***Catatan dan aspek sejarah kerja haji kini***

Berdasarkan apa yang dapat dihuraikan tentang cerita kerja haji dan elemen sejarah yang ada. Ia adalah satu potensi besar bagi ramai pihak. Paling utama ialah sejarawan di Malaysia atau di Arab Saudi sendiri yang boleh menjana pengkajian lebih lanjut terhadap apa yang tercatat. Agensi kerja haji seperti Tabung Haji pula dapat menerbitkan semula karya ini sebagai sebahagian dari sejarah kerja yang mereka warisi dari era klasik hingga ke moden kini. Hasil ini bukan dapat diterjemahkan bukan hanya dalam bentuk bacaan malah dalam usaha menjadikan bahan pemuziuman jika pelbagai lagi tindak ikut pengkajian sejarah dibuat.

Pastinya catatan ini akan membawa faedah bukan hanya pada muzium milik Tabung Haji malah milik pelbagai pihak termasuk juga syarikat perkapalan yang terlibat semasa itu.

## Kesimpulan

Dilihat catatan ini ini bersifat naratif yang bukan hanya mencerita tetapi diberikan juga pesanan kepada pembaca tentang perjalanan dan situasi di tanah Arab. Dalam konteks sejarah negeri Kedah catatan ini dilihat terbiar dan amat malang jika ia kekal sebegitu. Pelbagai catatan di dalamnya yang dirasakan tidak dapat dijumpai dalam rekod-rekod kerajaan jauh lagi pada catatan individu di waktu itu. Segala apa yang disebut jika ditinjau dari sudut sejarah sebagai adalah sesuatu yang amat bernilai untuk dijanakan sebagai kajian yang lebih mendalam. Fakta-fakta tertentu pula ada yang dapat dikongsi dengan sejarawan luar tanah air utamanya dari tanah Arab untuk kajian yang lebih empirikal yang bersifat global. Ia bakal menjadi khazanah sejarah yang amat berguna untuk jenerasi masa hadapan utamanya dalam bidang sejarah. Karya yang ditulis lebih seabad ini tidak sepatutnya menjadi terbiar tanpa dimanfaatkan sewajarnya. Jika usaha ini tidak dibuat ia bakal menjadi satu kerugian kepada sejarah negara dan lebih malang jika aset sebegini diterokai oleh orang lain serta melahirkan dokumentasi dari kaca mata pemikiran mereka. Hal ini bakal menjadi pengulangan kepada khazanah sejarah tempatan yang dinilai secara minda penjajah puluhan tahun dahulu.

## Nota Hujung

- 
- <sup>i</sup> Antara tulisan yang awal ialah tentang rombongan Raja Ahmad dari Riau bersama 13 orang belayar ke Singapura dan kemudiannya ke Pulau Pinang dalam tahun 1828, tercatat dalam *Nuhfat al-Nafis*- lihat tulisan Aiza Maslan @ Baharudin, 'Aktiviti Haji dan Perkembangan Pentadbirannya di Pulau Pinang' dalam prosiding *Penang Story Conference* anjuran Penang Heritage Trust, Think Sdn.Bhd., 17 & 18 Ogos, Pulau Pinang.
- <sup>ii</sup> Abdullah Munshi dilahirkan di Melaka dalam tahun 1796 dan meninggal di Mekah dalam tahun 1854. Menjadi penulis kepada Stamford Raffles dan menulis lebih dari sepuluh hikayat Melayu. Gelaran 'Munshi' diberikan oleh pegawai British kerana beliau juga menjadi pengajar bahasa Melayu kepada mereka. Rujuk kupasan lanjut dalam Hamzah Hamdani, *Hikayat Abdullah*, Kuala Lumpur: PTS Publication, 2007
- <sup>iii</sup> Serangan ini berlaku di Kota Kuala Bahang (Kuala Kedah) dan mengakibatkan ramai pahlawan Kedah yang terkorban. Ada pejuang dan penduduk Kedah yang ditawan dan dibawa ke Siam. Penulis bersama Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK) pernah menjejaki keturunan Kedah ini di Nakhon Sitamarat dan di Bangkok.
- <sup>iv</sup> Untuk memahami corak pendidikan Kedah, rujuk Awang Had Salleh, *Sejarah Perkembangan Sekolah-Sekolah Negeri Kedah*, Alor Setar: Jabatan Pelajaran Kedah, 1976.
- <sup>v</sup> Ada beberapa catatan pelayaran kerajaan Kedah disebut dalam *Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah*
- <sup>vi</sup> Baginda merupakan ayahanda kepada Sultan Badlishah dan datuk kepada baginda Sultan Abdul Halim sekarang. Baginda amat terkenal sebagai pemerintah yang rapat dengan alim-ulamak. Gambar baginda masih lagi dipamerkan di kedai-kedai dalam negeri Kedah sebagai nama baginda iaitu Kolej Sultan Abdul Hamid.
- <sup>vii</sup> Untuk memahami polisi dan corak penyerapan tadbir British rujuk Mohd Isa Othman, *Pengalaman Kedah dan Perlis Zaman Penjajahan British*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.
- <sup>viii</sup> Penulis terlibat dalam usaha mengesan buku Log kapal tersebut namun gagal dijumpai, dipercayai dokumen berkaitan telah musnah semasa Perang Dunia Kedua.
- <sup>ix</sup> Wan Yahya Mohd Taib, *Catatan Perjalanan Ke Mekah*, (tanpa tempat dan tahun terbitan), hlm.2
- <sup>x</sup> Ia didirikan dalam tahun 1903 sebagai pejabat pentadbiran Pulau Pinang dengan belanja sebanyak \$100.000 ketika itu. Namun sejarah urusan tadbir ini bermula seawal tahun 1873; [https://en.wikipedia.org/wiki/City\\_Hall,\\_Penang](https://en.wikipedia.org/wiki/City_Hall,_Penang)
- <sup>xi</sup> Wan Yahya Mohd Taib, *Catatan Perjalanan Ke Mekah*, (tanpa tempat dan tahun terbitan), hlm.2
- <sup>xii</sup> Wan Yahya Mohd Taib, *Catatan Perjalanan Ke Mekah*, (tanpa tempat dan tahun terbitan), hlm.4
- <sup>xiii</sup> Lihat Tan Sri Khir Johari, *Tunku : Tokoh Sepanjang Zaman*, Kuala Lumpur: Inst. Pengarah Malaysia, 1993, Tunku belayar dengan kapal S.S.Priam dari syarikat Blue Funnel, rujuk Shamsul Puteh (penterjemah) *Coretan Kenangan Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia, 2007.

- 
- <sup>xiv</sup> *Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah* tulisan Muhammad Hassan bin Muhammad Arshad juga tidak mencatatkan tentang pemergian baginda ke Mekah.
- <sup>xv</sup> Dalam tinjauan tersebut PSMCK menemukan dengan kelompok masyarakat Melayu Thai yang berasal dari Kedah ada dikalangan mereka yang beragama Islam dan ada yang Buddha. Tinjauan lebih jauh ke sempadan Burma, PSMCK bertemu dengan kelompok Melayu yang berbahasa loghat Kedah di Pulau Singhai yang tidak jauh dari Victoria Point.
- <sup>xvi</sup> Rujuk Hj Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, Sintok: Penerbit UUM, 1987 untuk pemahaman lebih luas tentang Kedah era silam.
- <sup>xvii</sup> Wan Yahya Mohd Taib, *Catatan Perjalanan Ke Mekah*, (tanpa tempat dan tahun terbitan), hlm.14
- <sup>xviii</sup> Mereka ini dibawa oleh penjajahan Belanda dan Inggeris, ada pula yang menyertai pasukan separa tentera dan dikenali sebagai “Orang Rejimen”. Rujuk juga Abdul Samad Idris, *50 Tahun Askar Melayu*, Kuala Lumpur : Utusan Publication, 1983, hlm.37-49.
- <sup>xix</sup> Lihat juga tulisan Wan Hashim Wan Teh, ‘Peranan Orang Melayu dalam Gerakan Anti Jepun’ dalam *Jurnal Jebat* siri 26 (1996) hlm.101-108
- <sup>xx</sup> Antara yang terlibat ialah Osman Jawa yang merupakan anak saudara kepada Tunku Abdul Rahman. Jeneral Osman kemudiannya menjadi Panglima Angkatan Tentera yang pertama selepas merdeka. Isteri beliau bernama Tunku Marima, penulis berkesempatan menemui Tunku Mariam beberapa tahun sebelum beliau meninggal dunia.
- <sup>xxi</sup> Wan Yahya Mohd Taib, *Catatan Perjalanan Ke Mekah*, (tanpa tempat dan tahun terbitan), hlm.28
- <sup>xxii</sup> Lihat juga Yahya Awang, *Kapal Haji Dalam Kenangan*, Kuala Lumpur : Utusan Pub., 2008
- <sup>xxiii</sup> Dalam era berkapal ke Mekah antara kapal yang kerap digunakan ialah *Anshun* dan *Anking*, kemudian berubah dalam tahun 1960an hingga lewat 70an dengan kapal-kapal seperti *Malaysia Raya*, *Malaysia Kita*, *Kuala Lumpur* dan *Malaysia Baru*.
- <sup>xxiv</sup> Wan Yahya Mohd Taib, *Catatan Perjalanan Ke Mekah*, (tanpa tempat dan tahun terbitan), hlm.27
- <sup>xxv</sup> Wan Yahya Mohd Taib, *Catatan Perjalanan Ke Mekah*, (tanpa tempat dan tahun terbitan), hlm 28
- <sup>xxvi</sup> Wan Yahya Mohd Taib, *Catatan Perjalanan Ke Mekah*, (tanpa tempat dan tahun terbitan), hlm 29
- <sup>xxvii</sup> Wan Yahya Mohd Taib, *Catatan Perjalanan Ke Mekah*, (tanpa tempat dan tahun terbitan), hlm.29
- <sup>xxviii</sup> Wan Yahya Mohd Taib, *Catatan Perjalanan Ke Mekah*, (tanpa tempat dan tahun terbitan), hlm.30
- <sup>xxix</sup> Wan Yahya Mohd Taib, *Catatan Perjalanan Ke Mekah*, (tanpa tempat dan tahun terbitan), hlm 32
- <sup>xxx</sup> Wan Yahya Mohd Taib, *Catatan Perjalanan Ke Mekah*, (tanpa tempat dan tahun terbitan), hlm 32
- <sup>xxxi</sup> Lihat keterangan lanjut dalam <http://babab.net/out/jabal-ajjad-perkampungan-komuniti-melayu-di-mekah.html>
- <sup>xxxii</sup> Wan Yahya Mohd Taib, *Catatan Perjalanan Ke Mekah*, (tanpa tempat dan tahun terbitan), hlm 30
- <sup>xxxiii</sup> Jalan ini mungkin berusia lebih seribu tahun dan ia digunakan untuk laluan utama dahulu ke Mekah. Jika jalan inilah yang dimaksudkan oleh Wan Yahya pada masa sekarang ia sedang dipulihara sebagai aset sejarah yang utama di Taif. Lihat <http://www.arabnews.com/node/403549>
- <sup>xxxiv</sup> Tidak dinyatakan Pound yang dimaksudkan sama ada British atau Mesir, namun besar kemungkinan Pound British adalah sandaran ketika itu.
- <sup>xxxv</sup> Khalifah Bani Abbasiyah Harun dilahirkan dalam tahun 149 Hijrah di Rayy, Iran dan meninggal di Thus, Khurasan dalam tahun 809. Zamannya mereupakan kemuncak kejayaan Islam dari segi sosial, ekonomi dan politik.
- <sup>xxxvi</sup> Wan Yahya Mohd Taib, *Catatan Perjalanan Ke Mekah*, (tanpa tempat dan tahun terbitan), hlm.38
- <sup>xxxvii</sup> Wan Yahya Mohd Taib, *Catatan Perjalanan Ke Mekah*, (tanpa tempat dan tahun terbitan), hlm. 41
- <sup>xxxviii</sup> Terusan ini dibangunkan dalam tahun 1859 dengan kejuruteraan Perancis di sebelah barat semenanjung Sinai dalam pentadbiran Mesir. Menganjur sejauh 163km menghubungkan pelabuhan Said di tengah dengan Suez.
- <sup>xxxix</sup> Dilhat pulau ini digunakan untuk pelbagai tujuan dari tempat kurantin pesakit hingga ke pusat tahanan keselamatan di era darurat. Lihat [https://ms.wikipedia.org/wiki/Pulau\\_Jerejak](https://ms.wikipedia.org/wiki/Pulau_Jerejak)

## Rujukan

- Abdul Samad Idris, *50 Tahun Askar Melayu*, Kuala Lumpur : Utusan Publication, 1983
- Awang Had Salleh, *Sejarah Perkembangan Sekolah-Sekolah Negeri Kedah*, Alor Setar: Jabatan Pelajaran Kedah, 1976.

- 
- Aiza Maslan @ Baharudin, 'Aktiviti Haji dan Perkembangan Pentadbirannya di Pulau Pinang', prosiding *Penang Story Conference* anjuran Penang Heritage Trust, Think Sdn.Bhd., 17 & 18 Ogos, Pulau Pinang.
- Hj Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, Sintok: Penerbit UUM, 1987
- Hamzah Hamdani, *Hikayat Abdullah*, Kuala Lumpur: PTS Publication, 2007
- Wan Hashim Wan Teh, 'Peranan Orang Melayu dalam Gerakan Anti Jepun' dalam *Jurnal Jebat* siri 26 (1996)
- Yahya Awang, *Kapal Haji Dalam Kenangan*, Kuala Lumpur : Utusan Pub., 2008
- Mohd Isa Othman, *Pengalaman Kedah dan Perlis Zaman Penjajahan British*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.
- Shamshul Puteh (penterjemah) *Coretan Kenangan Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia, 2007.
- Muhammad Hassan Dato Kerani Arshad, *Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968.
- Wan Yahya Mohd Taib, *Catatan Perjalanan Ke Mekah*, (tanpa tempat dan tahun terbitan),